


Siasat 14 tukang gunting rambut naik harga



Penguat kuasa KPDNHEP Selangor ketika memeriksa premis gunting rambut sempena Ops Catut 7.0. FOTO Ihsan KPDNHEP

Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

SEBANYAK 14 pemilik kedai dandan dan gunting rambut di Selangor disiasat di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 kerana mengenakan harga perkhidmatan itu dengan tidak munasabah.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, peniaga berkenaan diberi notis ketika pemeriksaan Ops Catut 7.0 bermula semalam.

"Daripada notis itu kita akan siasat sama ada pengusaha terbabit cuba mengaut keuntungan tidak munasabah dengan menaikkan harga perkhidmatan.

"Jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 1,000,000.00 bagi pertubuhan, manakala denda tidak lebih RM250,000 bagi bukan pertubuhan atau dipenjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Muhamad Zikril Azan berkata, Ops Catut 7.0 dijalankan bagi memastikan sektor perkhidmatan itu tidak mengambil kesempatan mengenakan harga tinggi selepas dibenarkan beroperasi semula mulai semalam.

Katanya, mereka juga tertakluk prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan dalam membendung penularan Covid-19 termasuk memakai pelindung muka, sarung tangan dan apron, manakala pelanggan wajib dikenakan apron pakai buang.

"Dengan pematuhan terhadap SOP ini memungkinkan berlaku kenaikan kos yang terpaksa ditanggung pengusaha, sekali gus berlaku perubahan harga perkhidmatan mereka," katanya.

¹³ Menurutnya lagi, pemeriksaan Ops Catut 7.0 akan diteruskan dan pengguna boleh menyalurkan aduan menerusi pelbagai saluran KPDNHEP dalam talian atau aplikasi Ez ADU KPDNHEP.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/588796/siasat-14-tukang-gunting-rambut-naik-harga>

Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 12 Jun 2020 @ 10:36 AM

